

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN
WAN CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : 06 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian menyalurkan bantuan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang banyak menyertai dalam perkhidmatan urutan dan refleksologi di mana mereka kehilangan sumber pendapatan kerana tidak dibenarkan beroperasi sepanjang pandemik COVID-19 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan golongan OKU dalam perkhidmatan urutan dan refleksologi bersedia sepenuhnya untuk memulakan perniagaan masing-masing dalam bidang perkhidmatan urutan dan refleksologi dengan kadar segera, JKM telah membantu pihak *National Council for the Blind (NCBM)* iaitu badan gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) OKU penglihatan untuk menyediakan draf Prosedur Operasi Standard (SOP) pembukaan perkhidmatan urut dan refleksologi kendalian juruurut kurang upaya penglihatan dalam fasa PKPP.

Walaupun Kementerian ini tidak menyediakan bantuan khusus kepada golongan OKU penglihatan yang bekerja, Kementerian ini telah menyediakan Elaun Pekerja Cacat (EPC) sebanyak RM400 sebulan di mana golongan OKU Penglihatan yang terlibat dalam perkhidmatan urutan dan refleksologi serta mempunyai pendapatan di bawah RM1,200 adalah layak dipertimbangkan.

Kerajaan turut menyediakan bantuan bakul makanan dan memperkenalkan insentif khusus berbentuk Bantuan Khas menerusi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang turut memberi fokus kepada OKU di mana sebanyak RM300 diberikan kepada Penerima Bantuan di bawah skim Bantuan Kewangan Bulanan OKU iaitu Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Berupaya Bekerja (BTB) dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT). Bantuan ini memberi manfaat kepada 190,000 OKU.

Sehingga 5 Ogos 2020, bagi fasa 1, seramai 185,770 orang (97%) telah menerima Bantuan Khas ini dengan jumlah peruntukan yang telah disalurkan sebanyak RM55.7 juta.

JKM kini sedang memproses bagi pembayaran fasa 2 kepada seramai 4,230 penerima baru bagi bulan Jun, Julai dan Ogos 2020 dengan peruntukan sebanyak RM1.3 juta. Bayaran akan diterima selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2020.

SOALAN NO. : 08

Kerajaan juga memperkenalkan insentif PENJANA Kerjaya (*Hire Malaysia*) di bawah kategori Insentif Pengambilan Pekerja yang menggajikan pencari kerja tempatan dalam kalangan golongan mudah terjejas termasuk OKU dan peserta Program *Return to Work* PERKESO. Melalui insentif ini, bayaran RM1,000 dibayar kepada majikan sekiranya mereka mengambil OKU bekerja dan menepati syarat-syarat permohonan yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 06 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah Orang Kurang Upaya (OKU) dan ibu tunggal yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) setakat ini. Daripada itu, berapakah mereka yang layak menerima bantuan secara '*one-off*' sebanyak RM300.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) diberi tanggungjawab melaksanakan Bantuan Khas kepada Orang Kurang Upaya (OKU) dan Ibu Tunggal di bawah inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang telah diumumkan pada 5 Jun 2020 yang lalu.

Berdasarkan statistik Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (*eBantuanJKM*) sehingga Julai 2020, seramai 190,000 OKU layak menerima Bantuan Khas Orang Kurang Upaya PENJANA. Kadar Bantuan Khas ini adalah sebanyak RM300 secara *one-off* (dengan izin).

Bagi melaksanakan tanggungjawab ini Kementerian Kewangan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM57 juta. Bantuan Khas ini merupakan bantuan bersasar yang dikhususkan kepada penerima bantuan di bawah skim Bantuan Kewangan Bulanan OKU iaitu Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Bekerja (BTB) dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT).

Sehingga 5 Ogos 2020, bagi fasa 1, seramai 185,770 orang (97%) telah menerima Bantuan Khas ini dengan jumlah peruntukan yang telah disalurkan sebanyak RM55.7 juta. JKM kini sedang memproses bagi pembayaran fasa 2 kepada seramai 4,230 penerima baru bagi bulan Jun, Julai dan Ogos 2020 dengan peruntukan sebanyak RM1.3 juta. Bayaran akan diterima selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2020.

Manakala jumlah ibu tunggal yang berdaftar dengan JKM adalah 30,500 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 16,638 Ibu Tunggal telah diluluskan dalam fasa 1 untuk menerima Bantuan Khas Ibu Tunggal berupa bayaran secara *one-off* (dengan izin) sebanyak RM300 seorang. Jumlah selebihnya akan dipertimbangkan dalam fasa seterusnya.